

08 DEC 2000

SUDAN-MALAYSIA

PENYERTAAN MALAYSIA DALAM EKONOMI SUDAN DIRAMAL MENGENGEMANG

Oleh: R. Ravichandran

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Penglibatan Malaysia dalam ekonomi Sudan dijangka akan semakin diperluas dengan rancangan negara itu untuk melaksanakan projek elektrik hidro di utara ibu negaranya, Khartoum.

Menteri Perusahaan dan Pelaburan Sudan Dr Abdul Halim Ismail Al-Mutafi berkata rundingan di antara pihak-pihak tertentu dari kedua-dua negara sedang dijalankan.

"Rundingan ini amat menggalakkan," katanya kepada Bernama ketika beliau berada di sini baru-baru ini untuk menemui ahli-ahli perniagaan Malaysia.

Rancangan untuk melaksanakan projek berkenaan pernah dibincangkan di antara Presiden Sudan Omar Hassan Al-Bashir dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pinggir sidang kemuncak kesembilan Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) di Doha, Qatar baru-baru ini.

Dr Abdul Halim berkata projek AS\$700 juta akan dilaksanakan di Sungai Nile dengan kapasiti untuk menjana kuasa 2,000 megawatt.

Beliau juga berkata sebuah syarikat perlombongan Malaysia juga dijangka akan melabur dalam sektor perlombongan Sudan yang kaya dengan emas, berlian dan kuprum.

"Kajian geologi telah selesai dan semua pihak yang berkenaan masih berunding mengenai pelbagai hal," katanya.

Sementara itu, Dr Abdul Halim berkata kerajaan Sudan juga telah meminta bantuan dari Malaysia bagi meningkatkan ekonominya. "Kami telah meminta bantuan mereka untuk meningkatkan ekonomi kami untuk menjadi yang terbaik di Afrika."

Dengan itu, Malaysia akan membantu Sudan merangka Pelan Induk Perusahaan bagi 20 tahun akan datang, katanya.

Setakat ini, peranan besar Malaysia dalam ekonomi Sudan adalah menerusi Petronas yang banyak membantu Sudan menerokai sumber minyaknya dan meletakkan republik itu sebagai sebuah negara pengeksport minyak.

Petronas telah melabur kira-kira AS\$800 juta (RM3.04 bilion) dalam projek itu, pelaburan tunggal seberang laut terbesarnya setakat ini.

Penyertaan Petronas dalam industri petroleum negara itu adalah menerusi sebuah konsortium yang dinamakan Greater Nile Petroleum Operating Company (GNPOC) di mana anak syarikatnya, Petronas Carigali Nile Ltd, memegang 30 peratus kepentingan ekuiti.

Pemegang ekuiti lain konsortium berkenaan adalah China National Petroleum Corporation (CNPC) dengan kepentingan 40 peratus, Talisman (Greater Nile) B.V. of Canada 25 peratus dan syarikat minyak kebangsaan Sudan, Sudapet Ltd, lima peratus.

Dr Abdul Halim berkata konsortium itu dijangka mengeluarkan 250,000 tong minyak sehari menjelang akhir tahun depan berbanding 200,000 tong sehari sekarang.

Selain itu, Dr Abdul Halim turut menjemput banyak lagi syarikat Malaysia melabur dalam bidang elektrik dan elektronik, teknologi maklumat, pemerosesan makanan, pembinaan jalanraya dan projek-projek prasarana lain.

Sudan juga berminat untuk mendapatkan penyertaan Malaysia dalam industri autonya dan berharap syarikat-syarikat Malaysia akan dapat meembina kilang pemasangan mereka di sana, katanya.

Terdapat juga potensi bagi pelaburan syarikat-syarikat Malaysia dalam industri daging, farmaseutikal, gula, kulit, pengangkutan sungai, tekstil, keretapi, dan kabel dan paip.

Sudan merupakan negara terbesar di Afrika dengan keluasan 2.5 juta kilometer persegi.

Jumlah dagangan antara Malaysia dan Sudan adalah RM113.5 juta pada 1999, berbanding RM65.61 juta pada 1998. Eksport Malaysia pada 1999 ke negara itu adalah RM113.10 juta sementara import hanya RM400,000.

Barangan eksport Malaysia ke Sudan termasuk stearin sawit, minyak sawit, mesin memproses data automati, getah asli, kelengkapan elektrik, penghalang dan litar bercetak. Barangan import utama adalah pam, pemampat, kipas, pinggan, helaian, filem, plastik, fabrik tekstil, benang dan kertas dan produk kertas. -- BERNAMA

RV SD JR